A VIDEO showing a man allegedly in a trance giving an alcoholic beverage to a young girl at a temple festival has drawn reaction from the Malaysia Hindu Sangam, *Makkal Osai* reported.

In the incident, believed to have taken place at a Hindu temple in Johor, a man can be seen dancing around seemingly in a trance.

He then carries a child and gives her what is believed to be an alcoholic beverage. It was not clear who the child is.

MHS president T. Ganesan said the action of the man allegedly in a trance at the temple was unacceptable.

"Giving alcohol to a child is not only contrary to religious practices but is also illegal," he said.

The MHS would recommend the cancellation of permits for festivals at temples which allow such behaviour, Ganesan was quoted as saying.

> SJK (T) Ladang Banopdane's math teacher Selvarani Uthrakumaran has won the national level innovative teacher award, *Malaysia Nanban* reported.

The teacher in Bidor, Perak, was selected from a field of 724 teachers from schools, matriculation colleges and teachers training colleges who participated in the Konvensyen Penyelidikan, PLC Dan Inovasi Pendidikan Program Matrikulasi Kali Ketiga Tahun 2023 (KonPPI-3 2023).

The win earned her the top platinum prize of RM2,800 in prize money and a certificate.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | OVER 90% OF BULLYING, SEXUAL HARASSMENT CASES RESOLVED WITHIN 15 DAYS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Over 90% of bullying, sexual harassment cases resolved within 15 days

**PUTRAJAYA:** More than 90% of bullying and sexual harassment cases in all educational institutions under the Education Ministry have been resolved within 15 days.

The ministry said all state education departments, district education offices and educational institutions have been directed to adhere to the urgency of relaying information, reporting and taking action on such cases to the ministry based on the set standard operating procedure of 1:3:7 day ratio.

"The Education Ministry remains proactive in handling bullying and sexual harassment cases in all educational institutions under its jurisdiction to ensure a safe ecosystem for teachers, students and staff," it said in a statement, Bernama reported.

The ministry said it was finalising the guidelines on dealing with bullying and sexual harassment and the new Student Discipline Regulation, which would be issued soon to replace the Education Ordinance 1957, Education (School Discipline) Regulations 1959.

It further said that various initiatives were being implemented to ensure the enforcement of existing rules outlined in the ministry's bulletins, circulars and related guidelines.

Among them are awareness campaigns in the media on the negative impact of bullying and sexual harassment, educational programmes on the dangers of bullying and sexual harassment to be integrated into the curriculum, co-curriculum and character building, as well as the caring school programme.

Also implemented is the intervention for victims of such cases and strategic cooperation with all quarters, especially enforcement agencies, to ensure the issue is handled more effectively, it said.

The ministry said there are three channels for the public, schools and parents to report any information related to bullying and sexual harassment, namely the special Bullying Complaint line at 03-88849352, e-mail adubuli@moe.gov.my and the Public Complaints Management System (SiSPAA).

Information on bullying and sexual harassment complaints can also be accessed through the MOE Bullying Complaint Portal at https://www.moe.gov.my/aduanbuli.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI DIJUMPAI DITINGGALKAN DI TEPI TONG SAMPAH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bayi dijumpai ditinggalkan di tepi tong sampah

**KUCHING:** Seorang bayi perempuan yang baru lahir ditemui ditinggalkan di tepi tong sampah di kawasan Moyan Square, Batu Kawa sekitar jam 7.30 pagi semalam.

Difahamkan bayi terbabit ditemui oleh pekerja kontraktor pemungut sampah ketika mengosongkan sampah dari tong sampah tersebut.

"Tiba-tiba saya nampak mereka melambai ke arah saya dari seberang jalan. Ketika saya menghampiri tong sampah, mereka memberitahu saya ada bayi di sana," kata penjual kuih, Xiew Ping ketika ditemui pemberita.

Xiew menambah, mereka kemudian membuat panggilan kecemasan untuk memaklumkan mengenai penemuan bayi tersebut.

"Kami kemudiannya membawa bayi tersebut ke kedai kopi berhampiran sementara menunggu bantuan.



**MUJUR DITEMUI:** Kombinasi gambar (dari kiri) menunjukkan bayi tersebut dibawa ke kedai berhampiran sementara menunggu bantuan, Xiew semasa ditemui pemberita dan lokasi bayi tersebut ditemui. — Gambar Jeremy Veno

Lihat Muka 2

# Bayi dijumpai ditinggalkan di tepi tong sampah

Dari Muka 1

"Bagaimanapun, kami tidak memberinya susu kerana kami tidak mempunyai susu formula bayi di kedai kopi dan semua kedai di sini masih belum buka," tambahnya.

Dia berkata, bayi itu kelihatan sihat dan comel sambil menambah dia bertuah kerana ditemui.

"Terdapat banyak anjing liar di kawasan ini terutamanya di tapak pembuangan sampah. Nasib baik ada yang menemuinya dengan cepat," tambahnya.

Kira-kira jam 8.40 pagi, dua wanita menawarkan diri menghantar bayi itu ke Klinik Kesihatan Batu Kawa untuk pemeriksaan kesihatan.

Sementara itu, Pemangku Ketua Polis Daerah Padawan DSP Lim Jaw Shyong mengesahkan polis telah menerima laporan berhubung kes berkenaan sekitar jam 9.18 pagi semalam yang dibuat di Balai Polis Batu Kawa.

"Saya mengesahkan laporan polis telah diterima hasil maklumat orang awam yang telah menelefon balai berkenaan berkaitan penemuan bayi yang masih hidup berdekatan tempat pembuangan sampah berdekatan pasar raya Moyan Square, Batu Kawa.

"Bayi berkenaan telah dihantar ke Klinik Kesihatan Batu Kawa untuk rawatan dan pemeriksaan," katanya dalam kenyataan semalam sambil menambah, kes itu masih dalam siasatan polis.

TAJUK : DUA CEDERA DALAM KEMALANGAN MOTOSIKAL

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 19 OGOS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Dua cedera dalam kemalangan motosikal

**MIRI:** Seorang lelaki dan seorang wanita mengalami kecederaan selepas dua motosikal yang ditunggang kedua-dua mangsa terbabit kemalangan jalan raya di Jalan Bypass di sini, pagi semalam.

Maklumat daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Miri, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kemalangan terbabit pada jam 7.33 pagi.

"Sepasukan empat anggota APM diketuai Lans Koperal (PA) Christina Rabai Jimmy bergegas ke lokasi kejadian sejurus menerima panggilan berkenaan.

"Setibanya di lokasi, APM terus berjumpa dengan pengadu wanita berusia 54 tahun dan beliau menyatakan kemalangan melibatkan dua motosikal dan terdapat seorang mangsa lelaki dan seorang wanita yang cedera di lokasi," katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Sejurus itu, pasukan APM terus meninjau keadaan di lokasi yang dinyatakan pengadu dan mendapati dua mangsa terbaring di tepi jalan raya.

"Skuad terus memeriksa keadaan mangsa dan memberi rawatan awalan ke atas kedua-dua mangsa yang cedera.

"Mangsa wanita berusia 32 tahun mengalami luka terkoyak di bahagian kaki kanan dan sakit di tangan kanan, manakala mangsa lelaki berusia 23 tahun mengalami kecederaan ringan," ujarnya.

Sehubungan itu, pasukan APM menghantar kedua-dua mangsa ke Hospital Miri bagi mendapatkan rawatan lanjut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FESTIVAL KANAK-KANAK DI PUSTAKA MIRI, 26-27 OGOS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Festival kanak-kanak di Pustaka Miri, 26-27 Ogos

**MIRI:** Pustaka Miri menjemput kanak-kanak berusia empat sehingga 12 tahun untuk memeriahkan Festival Kanak-Kanak Sarawak 2023 yang bakal diadakan pada 26 dan 27 Ogos ini.

Ia merupakan acara tahunan yang pasti menarik tumpuan pengunjung cilik ke perpustakaan tersebut.

Pelbagai aktiviti menarik dan berilmiah telah dirancang yang pastinya akan menghiburkan, mendidik serta mengisi kelapangan anak-anak pada hujung minggu.

Sebanyak 12 acara telah dirancang, antaranya Ruang Bercerita, Ruang Kebudayaan, Ruang Jualan, Ruang Persembahan dan Ruang Permainan.

Seramai empat pencerita dijemput untuk menjayakan Ruang Bercerita yang juga antara kemuncak festival yang diadakan bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Mereka ialah Seung Ah Kim dari Korea, Muslimah Qashiratu Taqarrable atau lebih dikenali sebagai Bie dari Indonesia, Sheila Wee dari Singapura dan Mohd Sharif Apen (Pak Pen Pencerita).

Untuk penyertaan, sila hubungi penganjur di talian 085-422525 atau layari laman sesawang www.pustaka-sarawak.com serta saluran media sosial Pustaka Miri.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KANAK-KANAK OKU SEHARUSNYA NIKMATI PELUANG SAMA RATA DALAM SEMUA ASPEK HIDUP: DR ZALIHA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kanak-kanak OKU seharusnya nikmati peluang sama rata dalam semua aspek hidup: Dr Zaliha

**KUALA LUMPUR:** Kanak-kanak dari golongan orang kurang upaya (OKU) seharusnya menikmati peluang sama rata dalam semua aspek kehidupan meliputi aksesibiliti, mobiliti, pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan pemulihan, kata Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, berdasarkan hasil dapatan kajian yang dilaksanakan oleh badan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia pada 2016, petugas kesihatan dianggap kurang sensitif dan tidak profesional apabila menyantuni kanak-kanak OKU akibat kekurangan kesedaran dan latihan.

"Saya menyeru kepada semua, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai petugas kesihatan membantu anak-anak ini agar mereka dapat mengecapi masa hadapan yang lebih baik.

"Kasih sayang, kegembiraan dan harapan terhadap golongan kanak-kanak OKU yang berumur 18 tahun dan ke bawah harus mendorong mereka untuk meneruskan kehidupan dengan diberikan peluang untuk mendapatkan pelajaran dan pekerjaan yang terbaik sejajar dengan kemampuan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Perasmian Sambutan Ulang Tahun ke-10 Perkhidmatan Rehabilitasi Pediatrik di Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) di sini, semalam yang turut dihadiri timbalannya Lukanisman Awang Sauni.

Dr Zaliha berkata, HRC yang mempunyai Perkhidmatan Rehabilitasi Pediatrik merupakan satu-satunya hospital di Malaysia yang menawarkan program perkhidmatan rehabilitasi pediatrik multi-disiplin dengan kapasiti 22 katil dan perkhidmatan pesakit luar.

Sementara itu, Lukanisman dalam sidang media selepas program itu berkata KKM akan bekerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk memperluaskan liputan perkhidmatan rehabilitasi pediatrik di HRC.

"Ini bukan aktiviti di bawah KKM secara bersendirian, sudah pasti kita akan bekerjasama dengan KPWKM dan juga KPM memandangkan mereka mempunyai saringan awal seperti mengenal pasti senarai OKU dan juga individu yang mengalami kemalangan sehingga menyebabkan kecacatan dan memerlukan rawatan di HRC.

"...mungkin juga Kementerian Sumber Manusia, untuk kalangan pekerja yang mempunyai anak-anak OKU tetapi tidak berupaya menghantar mereka ke HRC," katanya.

Beliau berkata, kementerian akan turut mengkaji keperluan mewujudkan perkhidmatan di hospital dan fasiliti kesihatan negeri dan wilayah lain, tertakluk kepada keupayaan kewangan. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KUCHING SENG ING TONG DAN JKM SANTUNI 100 INDIVIDU MEMERLUKAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**CERIA:** Fatimah menyampaikan sumbangan kepada penerima.

# Kuching Seng Ing Tong dan JKM santuni 100 individu memerlukan

**KUCHING:** Kuching Heng Hua Seng Ing Tong dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kuching bersama-sama menganjurkan Pemberian Barangan Amal Sambutan Ulang Tahun Ke-61 2023 semalam di Kuching Heng Jua Seng Ing Tong (Kuil Ah Ma Hu).

Majlis yang dihadiri Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah itu menyaksikan seramai 100 individu menerima sumbangan angpau RM50 dan bantuan makanan.

Menurut Fatimah, acara memberi sumbangan kepada para penerima telah dirancang oleh Kuching Heng Hua Seng Ing Tong sempena Ulang Tahun Ke-61 persatuan.

Beliau memuji persatuan itu kerana memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama.

"Kita mempunyai banyak badan bukan kerajaan (NGO) seperti Seng Ing Tong yang tampil untuk mengisi kekosongan bagi mereka yang tidak menerima bantuan bulanan JKM, sekali gus menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan.

"Saya perhatikan sumbangan ini bukan hanya diberikan kepada satu kaum tetapi juga kepada beberapa kaum yang lain. Inilah keindahan Sarawak. Kita mempunyai kerajaan dan NGO yang mengambil berat.

"Kita bantu mereka yang memerlukan, tanpa melihat kepada bangsa atau agama mereka, tetapi berdasarkan kepada siapa yang memerlukan bantuan itu," katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Beliau dalam pada itu berkata, rakyat Sarawak amat bertuah kerana mempunyai kerajaan yang mahu membangunkan negeri supaya rakyat sejahtera, selain memastikan kebajikan semua orang terpelihara tanpa mengira kaum dan agama.

Turut hadir, Presiden Kuching Seng Ing Tong Tay Soon Ann, Pengasas 38 Yayasan Amal Cinta dan Naib Presiden Kuching Seng Ing Tong Datuk Seri Ho Kim Hee dan Pengerusi Penganjur Pemberian Barangan Amal Sambutan Ulang Tahun Ke-61 Sia Geok Seng.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LEBIH 90 PERARUS KES BULI, GANGGUAN SEKSUAL SELESAI DALAM TEMPOH 15 HARI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Lebih 90 peratus kes buli, gangguan seksual selesai dalam tempoh 15 hari

**PUTRAJAYA:** Lebih 90 peratus kes aduan buli dan gangguan seksual di institusi pendidikan berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 15 hari, menurut Kementerian Pendidikan (KPM).

KPM dalam satu kenyataan semalam memaklumkan semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan institusi pendidikan telah diarahkan untuk mematuhi tahap kesegeraan penyampaian maklumat dan laporan serta tindakan berkaitan buli dan gangguan seksual kepada KPM berdasarkan Prosedur Operasi Standard ditetapkan iaitu pada kadar 1:3:7 hari.

"KPM sentiasa proaktif dalam menangani kes buli dan gangguan seksual di semua institusi pendidikan di bawah KPM bagi menjamin ekosistem selamat untuk guru, murid dan seluruh warga institusi pendidikan," menurut kenyataan itu.

KPM juga sedang memuktamadkan garis panduan menangani isu buli dan gangguan seksual dan Peraturan Disiplin Murid yang baharu dan akan dikeluarkan dalam masa terdekat bagi menggantikan Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah 1959).

Menurut KPM, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan penguatkuasaan peraturan sedia ada seperti yang terdapat dalam surat siaran kementerian, surat pekeliling ikhtisas dan garis panduan berkaitan.

Antaranya kempen kesedaran mengenai kesan buli dan gangguan seksual terhadap mangsa di media, program pendidikan mengenai bahaya buli dan gangguan seksual dilaksanakan secara bersepadu melibatkan aspek kurikulum, kokurikulum serta pembinaan sahsiah, dan amalan sekolah penyayang, menurut kenyataan itu.

"Turut dilaksanakan ialah intervensi kepada mangsa buli serta kerjasama strategik dengan semua pihak terutamanya dengan agensi penguat kuasa bagi memastikan isu buli dan gangguan seksual dapat ditangani dengan lebih efektif," menurut kenyataan itu.

Menurut KPM, terdapat tiga saluran yang boleh digunakan oleh orang ramai termasuk pihak sekolah dan ibu bapa untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kes buli dan gangguan seksual.

Saluran tersebut adalah melalui talian khas aduan buli (03-88849352), e-mel (adubuli@moe.gov.my) atau aduan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPA) KPM yang tersedia di portal aduan itu.

Maklumat aduan buli dan gangguan seksual boleh diakses melalui Portal Aduan Buli KPM di https://www.moe.gov.my/aduanbuli. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI MENGAKU SALAH CEDERAKAN TEMAN WANITA DIDENDA RM1,500 | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki mengaku salah cederakan teman wanita didenda RM1,500

**SIBU:** Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman denda RM1,500 atau penjara 14 hari terhadap seorang lelaki yang mendatangkan kecederaan terhadap teman wanitanya.

Majistret Oon Kork Chern menjatuhkan hukuman itu terhadap Kham Yap Hong, 42, setelah tertuduh mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Seksyen 323 ini memperuntukkan hukuman penjara sehingga satu tahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit dengan kesalahan.

Mengikut pertuduhan, Kham didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap teman wanitanya pada 12 Ogos 2023, kira-kira jam 10 malam di Lorong RTM 13.

Berdasarkan fakta kes, semasa mangsa dalam perjalanan menghantar tertuduh pada hari kejadian, tertuduh telah bertindak menumbuk dan menampar mangsa di bahagian kepala dan muka.

Mangsa yang terkejut bertindak memberhentikan kereta yang dipandunya. Pada masa sama, tertuduh terus bertindak memukul serta menolak mangsa ke tempat duduk penumpang hadapan.

Semasa tertuduh sedang memandu, mangsa bertindak melompat keluar dari kereta bagi menyelamatkan diri.

Tertuduh kemudian memberhentikan kereta serta keluar dari kereta sebelum menarik rambut dan memukul mangsa menggunakan kayu dan tangan.

Berikutan itu, mangsa mengalami luka calar di belakang badan, lutut dan kaki setelah melompat keluar dari kereta. Mangsa juga cedera di siku, paha dan kaki kerana dipukul oleh tertuduh menggunakan kayu.

Pada 15 Ogos 2023, kira-kira jam 12.15 tengah hari, tertuduh telah ditahan oleh pihak polis bagi membantu siasatan.

Siasatan kemudian mendapati kejadian berpunca daripada perselisihan fahaman antara tertuduh dengan mangsa, sehingga menyebabkan tertuduh bertindak menumbuk dan menampar mangsa.

Oleh kerana tidak tahan dengan tindakan tertuduh itu, mangsa juga bertindak melompat keluar dari dalam kereta menyebabkan dia mengalami kecederaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SALAH GUNA DADAH, WANITA DIDENDA RM2,500 | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Salah guna dadah, wanita didenda RM2,500

**KUCHING:** Padah mengambil dadah jenis Methamphetamine, Methylenedioxyamphetamine (MDA) dan 3,4-Methylenedioxymethamphetamine (MDMA), seorang wanita berusia 31 tahun didenda RM2,500 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali juga memerintahkan tertuduh, Chuo Yee Chien, untuk dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Syarifah juga mengarahkan tertuduh untuk menjalani dua tahun pengawasan polis.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Methamphetamine, MDA dan MDMA yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 25 Jun 2023 sekitar jam 10.05 pagi di Pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Polis Kontinjen Kuching.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara maksimum dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Mohd Adzmei Ahmad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | UGGAH NAFI GEREJA ANGLIKAN DAPAT DANA TERBESAR UNIFOR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Uggah nafi Gereja Anglikan dapat dana terbesar UNIFOR

## Jawatankuasa UNIFOR putuskan peruntukan dana, kerajaan lulus RM333.118 juta kepada 2,453 rumah ibadat sejak 2017

**KUCHING:** Timbalan Premier Datuk Amar Douglas Uggah Embas *menafikan dakwaan bahawa* kumpulan Gereja Anglikan telah menikmati bahagian terbesar dana daripada Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain ( UNIFOR).

"Ini satu pembohongan hanya kerana saya ahli Gereja Anglikan," katanya semalam sebelum menyampaikan cek berjumlah RM24.490 juta kepada 177 gereja dan rumah ibadat lain di bawah pengagihan unit fasa kedua tahun ini di Wisma Bapa Malaysia di sini.

Uggah yang juga Menteri Bertanggungjawab UNIFOR berkata, sebuah jawatankuasa dalam unit itu akan memutuskan peruntukan dana.

Katanya, terdapat sebanyak 2,453 rumah ibadat berbeza dengan kira-kira 1,694,142 ahli telah berdaftar dengan kerajaan negeri.

"Sejak 2017, kerajaan negeri telah meluluskan dan memperuntukkan sejumlah RM333.118 juta kepada semua rumah ibadat ini.

"Daripada jumlah ini, Gereja Roman Katolik menerima RM81.558 juta (24.5 peratus) untuk 509 gereja dengan 643,503 ahli.

"Ini diikuti oleh kumpulan Gereja Anglikan sebanyak 21.2 peratus atau RM70.519 juta untuk menyokong 300 gereja," ujarnya.

Beliau berkata jumlah ketiga terbesar iaitu RM59.700 juta atau 17.9 peratus diterima oleh Borneo Evangelical Mission (BEM) dengan 635 gereja.

Uggah berkata, kumpulan penganut Buddha pula menerima RM37. 060 juta (11.1 peratus) untuk membantu 152 kuil.

"Kemudian kita mempunyai kumpulan Gereja Methodist yang telah menerima RM27.977 juta dan Gereja Seventh Adventist dengan RM12.026 juta.

"Rumah ibadat lain seperti Konfusianisme, Taoisme dan agama tradisional telah menerima sejumlah RM10.198 juta.

> "Jadi ini adalah pecahan. Seperti yang saya katakan, peruntukan ini dibuat oleh jawatankuasa yang telah bertindak secara bijaksana dan berhemah."
>
> **Datuk Amar Douglas Uggah Embas**
> *Timbalan Premier*

"Kami juga telah memperuntukkan RM9.860 juta kepada kuil Sikh, RM4.260 juta kepada Hindu dan banyak lagi.

"Jadi ini adalah pecahan. Seperti yang saya katakan, peruntukan ini dibuat oleh jawatankuasa yang telah bertindak secara bijaksana dan berhemah," katanya.

Uggah juga berkata, UNIFOR juga telah menerima permohonan berjumlah RM30 juta tetapi katanya, pihaknya tidak boleh memberikan sebanyak itu kepada satu permohonan.

Sementara itu, Uggah berkata kerajaan negeri memperuntukkan UNIFOR dengan dana RM100 juta tahun ini.

"Setakat ini kami telah membelanjakan RM30.654 juta, jadi kami masih mempunyai baki yang besar.

"Mereka yang memerlukan dana sila hantar permohonan anda kepada kami secepat mungkin," ujarnya.

Hadir sama Timbalan Premier Dato Sri Dr Sim Kui Hian, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti,Dato Sri Fatimah Abdullah dan Menteri Di Jabatan Premier Datuk John Sikie Tayai.




**GUNA SEBAIKNYA:** Uggah (dua kanan) menyampaikan cek kepada Ahli Parlimen Betong Dr Richard Rapu untuk diagihkan kepada rumah-rumah ibadat di Betong. Turut kelihatan, Dr Sim (kiri) dan Fatimah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DIDENDA RM7,000 SELEPAS MENGAKU MELACUR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita didenda RM7,000 selepas mengaku melacur

**SIBU:** Seorang wanita dijatuhi hukuman denda RM7,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam setelah mengaku bersalah atas pertuduhan melacur.

Tertuduh yang berumur 34 tahun bagaimanapun gagal membayar denda tersebut dan diperintah menjalani hukuman penjara enam bulan oleh mahkamah.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh yang berasal dari Julau didakwa mencari langganan bagi maksud persundalan di sebuah bilik hotel di Jalan Market pada 15 Ogos 2023, kira-kira jam 8.23 malam.

Sehubungan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 372B Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak lebih setahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Mengikut fakta kes, pada 15 Ogos 2023, kira-kira jam 8.30 malam, pihak polis telah menyerbu sebuah bilik hotel di Jalan Market.

Dalam pemeriksaan itu, pihak polis telah menjumpai seorang lelaki dan seorang wanita iaitu tertuduh di dalam bilik tersebut.

Pihak polis turut menjumpai wang tunai RM60 dipercayai daripada aktiviti pelacuran, satu kondom yang telah diguna dan satu bekas plastik kondom.

Siasatan kemudian mendapati pada hari kejadian, tertuduh telah menawarkan khidmat seks kepada seorang lelaki dengan bayaran sebanyak RM60.